

Jawatankuasa Kecil Syariah, Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
Majlis Mengenang Jasa Dan Doa Buat
ALMARHUN PROFESOR AHMAD IBRAHIM
06 Jun 2021

ALMARHUM PROFESSOR TAN SRI AHMAD IBRAHIM YANG SAYA KENALI
Oleh
Tun Abdul Hamid Mohamad

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Kecil Syariah, Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang kerana masih mengingati saya dan menjemput saya menyertai majlis ini. Selain daripada memberi peluang untuk menceritakan sedikit pengalaman peribadi saya dengan almarhum, ia juga memberi peluang kepada saya untuk mengeratkan semula hubungan silaturrahim dengan tuan-tuan dan puan-puan secara virtual setelah di halang oleh masalah kesihatan saya dan COVID-19.

Saya hanya akan menceritakan pengalaman peribadi saya dengan beliau. Saya akan serahkan kepada peserta-peserta lain untuk mengulas mengenai sumbangan beliau kepada ribuan pelajar undang-undang, termasuk saya, dalam bidang undang-undang dan sumbangan beliau kepada Malaysia, amnya.

Kali pertama saya melihat beliau ialah apabila saya berada dalam tahun pertama di Fakulti Undang-Undang, Universiti Singapura, iaitu dalam tahun 1965. Saya menghadiri satu kuliah umum, oleh siapa saya tidak ingat. Saya nampak seorang yang memakai songkok di barisan hadapan dalam dewan itu. Di dalam dewan itu dia seorang sahajalah yang memakai songkok. Seorang kawan di sebelah saya memberitahu itulah Ahmad Ibrahim, Peguam Negara Singapura.

Semasa saya berada dalam tahun tiga, saya mengambil mata pelajaran pilihan *Revenue Law*. Beliau adalah pensyarahnya. Sudahlah undang-undang percukaian itu sangat teknikal dan *boring*, setiap kuliah beliau memberi tidak kurang daripada dua puluh kes rujukan. Berebutlah kami untuk mendapat *law report* berkenaan untuk membuat nota. Setiap penghakiman *House of Lords* itu pula ditulis oleh beberapa orang hakim, kesemuanya panjang-panjang dan amat sukar difahami. Akhirnya saya hanya sekadar menyalin *head notes*, itu pun ada yang faham dan ada yang tidak. Alhamdulillah, lulus juga mata pelajaran itu.

(Menyimpang sedikit, semasa saya menjadi Timbalan Pendaftar, saya melawat House of Lords atas jemputan Lord Diplock (sebagai balasan saya menjadi Protocol Officernya

semasa lawatan beliau ke Malaysia). Saya bertanya beliau mengapa hakim-hakim House of Lords suka menulis penghakiman berasingan menyebabkan keputusan mahkamah itu sukar difahami. Beliau menjawab, *“The problem is each of us thinks he is better than the other.”*)

Dalam tahun 1970an saya kerap berjumpa Almarhum Profesor Ahmad Ibrahim dalam mesyuarat Asean Law Association Cawangan Malaysia di mana beliau menjadi ahli jawatankuasa, saya Setiausaha dan Tun Suffian Presidennya.

Di pertengahan tahun 1980an, saya berjumpa beliau di suatu majlis. Beliau bertanya saya *“Where are you now?”* Saya jawab *“In Inland Revenue Department.”* *“Good”*, katanya. Saya berkata *“I am sorry Prof, in spite of you I still don’t understand tax law.”* Beliau menjawab, *“Don’t worry, I don’t understand it too.”* Perhatikan bagaimana tawaduk/*humble* orangnya? Kedua, walau pendiam, beliau juga *witty*.

Di awal tahun 1990an semasa saya menjadi Hakim Mahkamah Tinggi di Pulau Pinang, beliau dan ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Sivill dan Syariah datang ke Pulau Pinang untuk bermesyuarat. Saya baru sahaja menyampaikan penghakiman dalam kes Dalip Kaur. Saya menjemput mereka untuk makan malam di rumah saya. Apabila tiba, sambil bersalaman beliau berkata *“Sekarang lebih pandai dari Tok Gurunya.”* Sekali lagi perhatikan bagaimana tawaduk orangnya.

Pada 09 Ogos 1993, tiga tahun selepas saya dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman dan setahun selepas saya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, saya menerima jemputan untuk menjadi pengulas kertas kerja yang ditulis oleh beliau dan Dato’ Dr. Abdul Monir Yaakob bertajuk *“Common Law di Malaysia”* di Seminar Perundangan dan Kehakiman Malaysia di Langkawi. Itulah kali pertama saya dijemput berucap di seminar seperti itu yang dihadiri oleh hakim-hakim dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah, ahli-ahli akademik Syariah, Mufti-mufti, Penasihat-penasihat Undang-undang Negeri, pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara dan lain-lain.

Membaca semula kertas itu sekarang, saya seolah-olah tidak percaya saya boleh menulis demikian pada masa itu. *May be I was just as good then or I never learned since then.* Saya cadangkan tuan-tuan dan puan-puan membacanya semula. Ia boleh didapati dalam laman-laman web saya atau buku saya, *Buat Kerja*.

Saya hanya akan menyebut satu perkara yang saya ketengahkan dalam ulasan saya itu. Ianya mengenai penyerapan prinsip-prinsip *syarak of general application* ke dalam undang-undang Malaysia. Antara lain, inilah apa yang saya katakan:

“Jalan keluarnya ialah dengan memilih prinsip-prinsip Hukum Syarak yang boleh dipakai secara umum dan memasukkannya ke dalam undang-undang bertulis kita, tanpa menyebut asal usulnya.

Saya beri satu misalan. Mengikut Common Law of England, terdapat satu prinsip yang dinamakan “Caveat Emptore” yang bermaksud pembeli hendaklah berjaga-jaga kerana

penjual tidak bertanggungjawab untuk menyatakan kecacatan barang yang hendak dijualnya.

Setakat yang saya tahu, dalam Islam, kita menekankan kejujuran-kejujuran pembeli dan kejujuran penjual. Kalau ada kecacatan kepada barangan yang hendak dijual, kecacatan itu hendaklah diberitahu kepada pembeli.

Pada pandangan saya tidak ada sesiapa yang patut membantah, atau patut dibenarkan membantah jika prinsip ini dimasukkan ke dalam undang-undang kita. Ia boleh dipakai kepada semua orang dalam semua keadaan tidak kira siapa penjual dan pembelinya dan apa barangan yang hendak dijual-belian.

Selanjutnya, saya syorkan supaya kita mengkaji undang-undang bertulis kita dan penghakiman-penghakiman Mahkamah kita dan di mana didapati prinsip-prinsip Common Law yang tidak sesuai dengan keadaan tempatan, maka prinsip-prinsip itu hendaklah dimansuhkan, dipinda atau diganti dengan yang lebih sesuai.

Saya beri satu misalan lagi. Kita ambil prinsip "equitable estoppel". Dengan cara yang mudah saya akan cuba jelaskan prinsip ini begini: A mempunyai sebidang tanah. B meminta kebenaran A untuk membina sebuah rumah di atas tanah A itu. A membenarkannya. B membina rumah itu dan tinggal di situ, tanpa membayar apa-apa kepada A. A tidak boleh mengeluarkan B dari tanah A tanpa membayar pampasan kepada B.

Sudahlah B duduk dengan percuma beberapa lama, apabila tuan tanah hendak mengambil balik tanahnya, tuan tanah kena bayar pampasan pula. Sekarang ini, di mana tuan tanah hendak membangun tanahnya, katakanlah untuk tujuan perumahan, dan memerlukannya dengan segera, pampasan itu boleh jadi, sebuah rumah batu percuma! Kos itu semestinya akan diturunkan kepada pembeli-pembeli. Akhirnya pembeli-pembelilah yang akan menanggungnya.

Prinsip ini berasal daripada penghakiman Lord Kingsdown dalam kes Ramsden v. Dyson [1866] L.R. T.H.L 129. Ia diterima dan dipakai oleh Privy Council dalam kes Plimmer v. The City of Wellington [1884] 9 A.C. 699, dan (kalau boleh saya gunakan perkataan) digubal semula oleh Lord Denning M.R. dalam kes Inwards v. Baker [1965] 1 All ER 446.

Di Malaysia ini prinsip ini telah diterima dan dipakai, antara lain, melalui keputusan Mahkamah Persekutuan yang disahkan oleh Privy Council dalam kes Yong Tong Hong v. Siew Soon Wah & Ors. [1971] 2 MLJ 105 dan juga keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Mok Deng Chee v. Yeap Swee Hoi & Ors. [1981] 2 MLJ 321.

Pendek kata, ia telah menjadi undang-undang Malaysia. Mahkamah Tinggi adalah tertakluk kepada penghakiman itu dan mesti mengikutnya, suka atau tidak. Mahkamah Agung juga tidak mungkin akan menolaknya lagi.

Soalnya adakah prinsip seperti itu sesuai di negara kita? Tidakkah ia akan mengakibatkan ketidakadilan kepada tuan tanah yang baik hati itu? Tidakkah ia akan mengakibatkan tuan-tuan tanah tidak akan menolong sesiapa lagi di masa hadapan, walau pun adik beradiknya sendiri? Adakah kita mahu mewujudkan satu “masyarakat penyayang”, atau satu “masyarakat tidak peduli”?”

Selepas itu, apabila ada seminar seperti itu, saya akan menerima jemputan untuk membentang kertas kerja dan akan berjumpa dengan beliau.

Demikianlah rupanya dan sifatnya daripada mula saya bertemu dengan beliau hinggalah ka akhir hayatnya yang tidak berubah. Semoga Allah mencucuri rahmat kepada roh beliau.

Sekian. Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

tunabdulhamid@gmail.com
<http://www.tunabdulhamid.my>
<https://tunabdulhamid.me>